

SIJIL TAKAFUL PEMANDU & PENUMPANG KENDERAAN PERSENDIRIAN

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Pemohonan Anda untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangi berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal dan lain-lain Manfaat yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak takaful ini.

Kontrak takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

KEJADIAN

Kematian, Hilang Upaya Kekal dan/atau Kecederaan Badan akibat Kemalangan yang disebabkan oleh suatu kejadian yang ganas, dan jelas kelihatan secara langsung dan luaran yang berkenaan dengan:

1. setiap Peserta, pemandu dan/atau penumpang dengan kebenaran Peserta ketika menaiki, dalam perjalanan atau keluar dari Kenderaan Peserta.
2. Peserta, Pasangan Peserta atau mana-mana Anak Peserta sahaja yang berumur di antara lima (5) hingga lima belas (15) tahun semasa:
 - a) sebagai pejalan kaki dalam Kemalangan yang melibatkan sebarang kenderaan jalan raya (termasuk motorsikal, skuter, basikal dan kayuhan pemijak kaki basikal dengan bantuan mekanikal);
 - b) menaiki ke atas atau ke dalam, perjalanan di atas atau di dalam atau keluar dari sebarang kenderaan jalan raya selain daripada Kenderaan Peserta (tidak termasuk motorsikal, skuter, basikal dan kayuhan pemijak kaki basikal dengan bantuan mekanikal) sebagai penumpang atau pemandu;
 - c) berlepas atau di atas/di dalam kenderaan atau turun dari sebarang keretapi, kapal, bot feri, atau hoverkraf sebagai penumpang yang berbayar.

DEFINISI

Anak-Anak Sah bermaksud termasuk anak tiri dan/atau anak angkat yang sah yang berumur sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan tidak melebihi lima belas (15) tahun dan bergantung sepenuhnya kepada Peserta atau Pasangan Suami atau Isteri Peserta untuk bantuan kewangan semasa berlakunya Kemalangan.

Anda / Peserta bermaksud Orang Yang Dilindungi yang dinamakan dalam Jadual.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Endorsemen bermaksud bukti bertulis tentang pindaan yang telah dipersetujui bagi Sijil ini.

Hilang Upaya Kekal bermaksud kehilangan menyeluruh disebabkan oleh amputasi atau kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal akibat suatu Kemalangan semasa dalam perjalanan dengan menggunakan Kenderaan Peserta atau sebarang Kejadian yang dinyatakan di dalam Jadual.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Peserta, Manfaat, Sumbangan dan Tempoh Takaful yang dilampirkan bersama Sijil ini.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Jumlah yang Dilindungi bermaksud jumlah yang ditunjukkan dalam Jadual yang merupakan jumlah maksimum yang Kami akan bayar untuk mana-mana satu tuntutan.

Kecederaan Badan bermaksud kecederaan fizikal pada badan yang dialami oleh Peserta semasa Tempoh Takaful disebabkan semata-mata akibat daripada Kemalangan.

Kenderaan Peserta bermaksud kenderaan yang dinyatakan di dalam Jadual, yang diberi lesen untuk kegunaan persendirian dan tidak digunakan untuk tujuan perdagangan.

Kemalangan bermaksud kejadian luaran yang ganas dan nyata (termasuk akibat langsung daripada unsur-unsur semulajadi) dan tidak termasuk penyakit, sakit, parasit, bakteria atau jangkitan virus, atau keadaan yang berlaku secara semulajadi atau proses degeneratif.

Kematian bermaksud kematian semata-mata atas sebab Kemalangan semasa dalam perjalanan menaiki Kenderaan Peserta atau sebarang Kejadian yang dinyatakan di dalam Jadual.

Manfaat bermaksud jumlah yang akan dibayar bagi tuntutan yang sah di bawah Sijil Takaful ini berdasarkan kepada huraian Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Orang Yang Dilindungi bermaksud anda, dan/atau penumpang-penumpang berdasarkan pelan yang telah Anda pilih untuk perlindungan di bawah Sijil ini.

Pasangan Suami atau Isteri yang Sah bermaksud pasangan Suami atau Isteri Peserta melalui perkahwinan yang sah yang dinyatakan di dalam Jadual. Bagi tujuan Sijil ini, perkahwinan secara "Common Law" tidak dianggap sebagai perkahwinan yang sah kecuali di bawah Undang-Undang Islam atau Enakmen-Enakmen Malaysia atau The Law of Reform (Marriage & Divorce) Act 1976.

Perbelanjaan Perubatan bermaksud sebarang perubatan, pembedahan, hospital, rumah sakit atau perbelanjaan mengurus berkaitan dengan Kecederaan Badan disebabkan oleh Kemalangan yang diperlukan dan dibayar sehingga tidak melebihi jumlah (seperti yang dinyatakan di dalam Jadual) tertakluk kepada penyerahan bil yang asal.

Penama bermaksud orang yang dinamakan oleh Peserta dalam Borang Penamaan untuk menerima Manfaat.

Pengamal Perubatan bermaksud Pengamal Perubatan yang bertauliah dan sah, selain daripada Peserta sendiri atau mana-mana ahli keluarga terdekat Peserta.

Pemohonan bermaksud permohonan dan maklumat lain yang telah ditandatangani oleh Peserta atau pihak yang bertindak bagi pihak Peserta yang telah diberikan kepada Pengendali Takaful.

Pengendali Takaful / Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Perniagaan Takaful

Suatu perniagaan berdasarkan konsep Takaful yang mana matlamat serta operasinya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang tidak selari dengan Syariah.

Penyakit Berjangkit

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuai Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuai Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Re-takaful bermaksud satu tindakan wajar yang selaras dengan prinsip Takaful untuk memperolehi perlindungan Takaful Semula terhadap liabiliti bagi risiko yang ditanggung oleh Pengendali Takaful semasa menjalankan Perniagaan Takaful.

Sumbangan bermaksud bayaran Takaful yang dibuat oleh Peserta berdasarkan konsep Tabarru'.

Takaful bermaksud suatu skim berlandaskan persaudaraan, perpaduan dan saling bantu membantu yang menyediakan bantuan kewangan bersama dan pertolongan kepada Peserta di dalam keadaan keperluan di mana Peserta bersetuju bersama untuk menyumbang dengan tujuan tersebut.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh Takaful yang di tunjukkan dalam Jadual.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

PERUNTUKAN KHAS

1. Pembayaran akan dibuat sebagai tambahan kepada Sijil Kemalangan Diri yang lain. Penumpang tidak perlu membuat tuntutan liabiliti undang-undang untuk mendapatkan Manfaat daripada Sijil ini. Pembayaran akan dibuat walaupun pemandunya cuai.
2. Sekiranya Peserta tidak dapat mengelakkan diri daripada pendedahan kepada unsur-unsur alam semulajadi berikutan sesuatu Kemalangan, dan akibat daripada pendedahan yang sedemikian mengalami kecederaan, kecederaan sedemikian merupakan suatu tuntutan untuk Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Kekal.

HAD-HAD KHAS

Penumpang-penumpang yang berumur lima belas (15) tahun ke atas akan dilindungi 100% bagi Manfaat-manfaat yang dilindungi. Penumpang-penumpang yang berumur di antara lima (5) dan lima belas (15) tahun berhak menerima 50% daripada kesemua Manfaat yang disediakan. Tiada perlindungan akan diberikan kepada Anak-Anak yang berumur lima (5) tahun ke bawah. Dalam keadaan di mana jumlah penumpang sebenarnya melebihi jumlah yang dinyatakan dalam pengakuan Sijil, had tanggungan/liabiliti Pengendali Takaful untuk seorang akan di kurangkan mengikut nisbah jumlah penumpang sebenarnya yang di akui. Had ini tidak diguna pakai kepada pemandu.

PENGECEUALIAN

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat di bawah Sijil ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Peserta melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
2. Membunuh diri atau cubaan membunuh diri (sama ada dalam keadaan waras atau tidak), mencederakan diri sendiri dengan sengaja, tidak siuman atau sebarang percubaan berbuat demikian;
3. Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak;
4. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
5. Peserta di bawah pengaruh dadah atau narkotik (sementara atau sebaliknya) kecuali ia diambil atas preskripsi Pengamal Perubatan yang berdaftar atau di bawah pengaruh alkohol kecuali ia dapat dibuktikan kepada Kami dan Kami hendaklah berpuas hati bahawa alkohol tersebut bukannya faktor yang menyumbang kepada Kejadian yang berlaku;
6. Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) dan/atau apa-apa penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan/atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC), dan/atau sebarang terbitan mutan, ubahan atau rawatan walau bagaimana sekali pun sindrom itu diperolehi atau dinamakan;
7. Penyakit yang dapat dikesan, parasit, bakteria, jangkitan kuman, walaupun dijangkiti daripada Kemalangan;
8. Antraks, keracunan darah, erisipelas, keracunan ptomaina, piaemia, septisemia dan/atau tetanus;
9. Sebarang kecacatan fizikal atau kelemahan yang sedia ada;
10. Kematian atau hilang upaya langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada:

- i) Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses proses pemelahan nuklear kekal diri.
- ii) Apa-apa kerugian kemalangan, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear;

Mana-mana **"tindakan nuklear, kimia, keganasan biologi"** (seperti yang ditakrifkan di bawah) tanpa mengira apa-apa sebab atau Kejadian lain yang menyumbang atau dalam mana-mana turutan lain kepada kerugian tersebut.

Untuk tujuan pengecualian ini:

"Keganasan nuklear, kimia, biologi" bermaksud penggunaan sebarang senjata nuklear atau peranti atau pengeluaran, pelepasan, penyebaran, pelepasan, atau melarikan diri daripada mana-mana ejen kimia pepejal, cecair atau gas dan/atau agen biologi dalam Tempoh Takaful ini oleh mana-mana orang atau kumpulan (kumpulan) orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan atau sebab-sebab politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam berada dalam ketakutan.

Ejen "Kimia" bermaksud mana-mana sebatian yang apabila disebarkan, menghasilkan kesan melumpuhkan, merosakkan atau membawa maut kepada manusia, haiwan, tumbuhan atau harta material.

Ejen "biologi" bermaksud sebarang patogen (penyakit yang menghasilkan) mikro-organisma dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi termasuk organisma yang diubahsuai secara genetik dan kimia mensintesis toksin yang menyebabkan penyakit dan/atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan.

11. i) peperangan, serangan, tindakan musuh luar negara, operasi permusuhan atau operasi sedia-perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak);
- ii) perang saudara, dahagi, huru-hara awam yang membawa kepada perkadaran atau meningkat ke tahap pemberontakan awam, pemberontakan tentera, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, pengkomplotan kuasa tentera atau perampasan kuasa; atau
- iii) pemerintahan tentera atau keadaan terkepung atau apa-apa peristiwa atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan terkepung;
- iv) sebarang tindakan seseorang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan sesuatu organisasi dengan aktiviti-aktiviti bertujuan menggulingkan Kerajaan 'de jure' atau 'de facto' secara paksa atau ke arah mempengaruhi perkara ini melalui tindakan keganasan atau kekerasan.

Untuk tujuan ini, **"Tindakan Penganas"** bermaksud tindakan/perbuatan tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman oleh mana-mana orang atau sesebuah kumpulan, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan sesebuah organisasi atau kerajaan atas dasar politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan yang berkaitan dengan sesebuah organisasi atau kerajaan atas dasar politik, agama, ideologi atau tujuan- tujuan yang sama atau berkaitan

termasuk niat mempengaruhi mana-mana Kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam atau sebahagian daripadanya berada di dalam ketakutan.

12. Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit; atau
13. Menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Orang Yang Dilindungi memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu seperti di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT

1. HAD UMUR

Tiada Peserta akan dilindungi di bawah Sijil ini sekiranya berumur kurang daripada lima (5) tahun atau telah mencapai umur tujuh puluh (70) tahun. Perlindungan yang diberikan oleh Sijil ini akan ditamatkan apabila berakhirnya Tempoh Takaful yang berkuatkuasa semasa Peserta mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.

2. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT

Pematuhan dan penyempurnaan terma-terma, syarat-syarat dan Endorsemen Sijil ini oleh Peserta atau oleh mana-mana pihak menuntut di bawah Sijil ini dalam hal yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta atau mana-mana pihak menuntut di bawah Sijil ini dan kebenaran kenyataan dan jawapan dalam permohonan tersebut akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Kami untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

3. PERUBAHAN

Peserta hendaklah dengan segera memberi notis secara bertulis kepada Kami mengenai sebarang perubahan alamat, pekerjaan, kegiatan atau tentang sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal yang dialami oleh Peserta, dan hendaklah membayar sebarang Sumbangan tambahan yang dikehendaki oleh Kami.

Semua notis yang dikehendaki diberikan oleh Peserta kepada Kami mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami dan tiada pertukaran dari segi terma-terma Sijil ini ataupun sebarang Endorsemen di atasnya adalah sah melainkan pertukaran atau Endorsemen tersebut ditandatangani atau diluluskan oleh wakil Kami yang dibenarkan.

Peserta hendaklah memberikan notis kepada Kami tentang sebarang jenis Takaful yang berkuatkuasa terhadap Kemalangan dan/atau ketidakupayaan.

4. PROSEDUR PEMBAHARUAN

Sebelum Sijil ini diperbaharui, Peserta hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada Kami tentang sebarang fakta penting yang boleh mempengaruhi Takaful ini di bawah pengetahuan Peserta semasa Tempoh Takaful termasuk sebarang penyakit, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang mempengaruhi Peserta atau sebarang Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas atau oleh Peserta.

5. NOTIS PENYERAHAN HAK

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, tugas atau urusan lain atau seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

6. PRASYARAT BERHUBUNG LIABILITI

Sekiranya permohonan atau pernyataan Peserta tidak benar dalam apa-apa segi atau sekiranya apa-apa fakta penting yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul di dalamnya atau tertinggal daripadanya atau Takaful ini atau apa-apa pembaharuan darinya diperolehi melalui silap nyata, salah nyata atau sekatan maklumat atau sekiranya apa-apa tuntutan yang dibuat adalah palsu atau dibesar-besarkan atau sekiranya sesuatu pengakuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong padanya, maka dalam mana-mana kes ini Sijil ini adalah terbatal.

7. LIABILITI PENGENDALI TAKAFUL

Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kecederaan atau kematian yang berlaku sebelum penerimaan sebenar Sumbangan oleh Kami atau wakil Kami yang diberi kuasa melainkan sekiranya kredit telah dibenarkan oleh suatu perjanjian yang ditetapkan bagi pembayaran apa-apa Sumbangan sedemikian yang akan dibuat pada masa akan datang.

8. SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan hendaklah dibuat kepada Kami oleh Anda atau melalui Anda atau wakil sah Anda, dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh Kematian atau kecederaan yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Sijil ini.

b) Dokumentasi

Semua laporan perubatan, sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan, mestilah dikemukakan atas perbelanjaan Anda atau mana-mana pihak yang menuntut sekiranya Anda meninggal dunia. Anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut yang Kami kehendaki atas perbelanjaan Kami. Sekiranya Anda meninggal dunia, Kami memerlukan sijil kematian sebagai bukti dan mungkin memerlukan laporan post-mortem dibuat atas perbelanjaan Anda.

Tuntutan adalah dianggap sebagai tidak lengkap dan Manfaat yang layak tidak akan dibayar melainkan sekiranya laporan perubatan, sijil, maklumat dan bukti yang Kami perlukan telah diserahkan kepada Kami. Bagi tuntutan Manfaat yang berkaitan dengan pembayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung yang perlu dari segi perubatan, akan dipertimbangkan tertakluk kepada penyerahan resit asal.

Apa-apa perubahan kepada keperluan dokumentasi adalah di atas budi bicara Kami.

c) Penyelesaian Tuntutan

i) Kami akan membayar mana-mana Manfaat kena dibayar di bawah Sijil ini kepada Anda atau sekiranya berlaku Kematian, kepada penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

ii) Pembayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh Anda, dan setakat mana ia terpakai, oleh Anda atau mana-mana pihak menuntut yang lain.

iii) Sekiranya berlaku Kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan di mana Kami telah membuat bayaran di bawah Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini, Kontrak Sijil ini selepas itu hendaklah tamat, di guna pakai kepada Anda.

9. TIMBANG TARA

Sekiranya apa-apa pertelingkahan timbul mengenai amaun liabiliti Kami di bawah Sijil ini, perbezaan itu bebas daripada semua persoalan lain hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak atau sekiranya mereka tidak dapat mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, hendaklah dirujuk kepada keputusan dua orang Penimbang Tara yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh (3) tiga bulan kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, perbezaan itu hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang pengadil yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum membuat rujukan, dan keputusan oleh timbang tara hendaklah menjadi syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan terhadap Kami berkenaan dengan apa-apa pertikaian mengenai jumlah liabiliti Kami di bawah Sijil ini. Dalam apa jua hal Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan selepas berakhir tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya kejadian tersebut melainkan tuntutan subjek tindakan mahkamah yang belum selesai atau penimbangtara.

10. PEMBATALAN

a) Pembatalan oleh Pengendali Takaful

Kami boleh pada bila-bila masa memberikan notis tujuh (7) hari kepada Anda pada bila-bila masa (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui Surat Berdaftar yang dihantar ke alamat terakhir Anda atau melalui mel elektronik yang diketahui oleh Kami yang mempunyai kebebasan untuk menentukan dan membatalkan Sijil ini, dengan syarat bahawa Kami hendaklah dalam hal tersebut atas permintaan mengembalikan sebahagian daripada Sumbangan bersamaan dengan baki Tempoh Takaful tersebut kepada Anda.

b) Pembatalan oleh Peserta

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Kami dan dalam hal yang demikian Anda adalah berhak mendapat semula Sumbangan mengikut Kadar Jangka Pendek Kami untuk masa Sijil tersebut berkuatkuasa semasa Tempoh Takaful ini.

c) Kedudukan Tuntutan Semasa Pembatalan Sijil

Pembatalan Sijil ini tidak menjejaskan sebarang tuntutan sebelum pembatalan tersebut dilakukan

d) Masa Berkuatkuasa Penamatan Takaful

Sijil atau Takaful ini bagi orang yang dilindungi, akan ditamatkan pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh yang berkenaan yang dinyatakan seperti di atas.

11. FAEDAH DAN MATAWANG

Semua bayaran di bawah Sijil ini perlu dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

12. BAYARAN SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi kontrak Takaful ini bahawa Sumbangan penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil ini, Endorsemen atau Pembaharuan, yang mana bekemungkinan akan bermula. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil ini akan secara automatik terbatal dan tidak sah.

Selainnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

13. KLAUSA HAD SEKATAN

Sijil Takaful ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Sijil ini terhadap peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat sedemikian akan mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah Akta Sekatan Komprehensif Iran, Pelepasan dan Akauntabiliti (CISAD) atau Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan ekonomi atau perdagangan, undang-undang atau peraturan-peraturan daripada Kesatuan Eropah atau United Kingdom.

14. HAK UNTUK MENAMATKAN KERANA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Sekiranya Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Sijil melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

15. PENAMAAN

Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar sekiranya Anda meninggal dunia, sama ada sebagai Wasi atau Benefisiari dibawah Hibah Bersyarat; atau

Penamaan boleh dibuat:

- Semasa permohonan dibuat; atau
- Dengan Memaklumkan kepada Kami secara bertulis.

Anda boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Sekiranya tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama-penama secara sama rata.

Sekiranya terdapat lebih daripada seorang Penama dan mana-mana Penama yang telah dinamakan sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Anda, Kami akan membayar bahagian Penama yang meninggal dunia tersebut, apabila Anda meninggal dunia kepada harta pusaka Anda kecuali Anda telah menamakan Penama yang lain selepas kematian Penama tersebut.

Penamaan Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Peserta kepada Penama. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Anda, atau tertakluk kepada hutang mereka.

Tanggungjawab Wasi yang dinamakan

Sekiranya Penama dilantik sebagai Wasi, bahagian setiap Wasi akan ditetapkan di dalam Borang Penamaan Wasi.

Bagi Peserta beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful tersebut seperti yang dinyatakan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, undang-undang Islam dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Anda.

Bagi Peserta yang bukan beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful mengikut wasiat Peserta yang meninggal dunia dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Anda.

Sekiranya pada masa tuntutan, seorang Wasi telah meninggal dunia sebelum Peserta, peratusan bagi Wasi yang meninggal dunia akan diagihkan sama rata antara Wasi yang masih hidup, yang akan bertindak sebagai Wasi untuk mengagihkan Manfaat tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan

Penamaan akan dibatalkan:

- Apabila semua Penama-penama meninggal dunia semasa Anda masih hidup;
- Melalui notis bertulis daripada Anda kepada Kami; atau
- Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Anda kepada Kami.

Penamaan tidak akan terbatal melalui wasiat atau melalui sebarang tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.

16. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

SKALA MANFAAT

Sekiranya Kejadian dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh ia berlaku menyebabkan Peserta mengalami sebarang Akibat seperti di bawah, Pengendali Takaful akan membayar Manfaat seperti berikut:

Akibat	Huraian	Manfaat
A	Kematian	Amaun dinyatakan dalam Jadual
B	Hilang Upaya atau Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal	Peratusan amaun seperti yang dinyatakan dalam Jadual
1	Hilang upaya menyeluruh dan kekal daripada bekerja atau melakukan sebarang pekerjaan	100%
2	Hilang upaya penglihatan menyeluruh dan kekal di sebelah mata atau kedua-dua belah mata	100%
3	Hilang upaya menyeluruh akibat amputasi anggota badan atau hilang upaya penggunaan menyeluruh dan kekal:	
	a) Sebelah atau kedua-dua belah tangan di pergelangan tangan	100%
	b) Lengan di bahu	100%
	c) Lengan di antara bahu dan siku	100%
	d) Lengan di atau di bawah siku below elbow	100%
	e) Kaki di pinggul	100%
	f) Kaki di antara lutut dan pinggul	100%
	g) Kaki di atau di bawah lutut	100%
4	Hilang menyeluruh dan kekal:	
	a) Penglihatan sebelah mata kecuali persepsi cahaya	50%
	b) Kanta sebelah mata	50%
5	Hilang menyeluruh disebabkan terputus secara fizikal atau kehilangan upaya menyeluruh penggunaan dan kekal:	
	a) Ibu jari dan 4 jari sebelah tangan	50%
	b) 4 jari sebelah tangan	50%
	c) Ibu jari	
	- 2 falanks	25%
	- 1 falanks	10%
	d) Jari telunjuk	
	- 3 falanks	15%
	- 2 falanks	8%
	- 1 falanks	4%
	e) Jari hantu	
	- 3 falanks	10%
	- 2 falanks	4%
	- 1 falanks	2%
	f) Jari manis	
	- 3 falanks	8%
	- 2 falanks	4%
	- 1 p falanks	2%
	g) Jari kelengking	
	- 3 falanks	6%
	- 2 falanks	4%
	- 1 falanks	2%
	h) Metakarpus	
	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
	i) Ibu jari kaki	
	- 2 falanks	6%
	- 1 falanks	3%
	j) Semua jari sebelah kaki	18%
	k) Mana-mana jari kaki lain	3%
6	Hilang menyeluruh dan kekal:	
	a) Pendengaran kedua belah telinga	75%
	b) Pendengaran sebelah telinga	15%
7	Hilang upaya bertutur menyeluruh dan kekal	50%

Akibat	Huraian	Manfaat
Nota: 1. Sekiranya kecederaan yang dialami tidak dinyatakan, Kami berhak menggunakan peratusan hilang upaya di mana pada pendapat Kami ia konsisten dengan peruntukan Jadual seperti di atas. 2. Jumlah agregat peratusan yang dibayar berhubung dengan mana-mana satu Kemalangan tidak akan melebihi 100%. 3. Manfaat Perbelanjaan Perubatan hanya akan dibayar sekiranya rawatan perubatan atau pembedahan di lakukan kepada Peserta oleh Pengamal Perubatan yang bertauliah dan sah tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu dari tarikh Kemalangan. 4. Sekiranya Kematian berlaku akibat Kejadian yang dilindungi, Manfaat Perbelanjaan Pengebumian sebanyak RM1,000 akan dibayar kepada keluarga terdekat Peserta atau wakil sah. 5. Manfaat akan dibayar apabila tuntutan tersebut telah dibuktikan sehingga Pengendali Takaful berpuas hati. 6. "Kehilangan menyeluruh dan kekal" termasuk kehilangan menyeluruh dan kekal.		

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etika General Takaful Berhad
Level 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etika Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etika.com.my
Laman Web: www.etika.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Pembantu Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etika General Takaful Berhad
Aras 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
E-mel: complaint_cmu@etika.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMOS

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etika General Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etika General Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui:

Talian Am: +603 2272 2821
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No syarikat: 200401025885)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS.

FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etika General Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etika General Takaful Berhad atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my.

Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etika General Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Pengendali Takaful boleh mengemukakan pertanyaan, aduan, atau maklum balas kepada BNMLINK.

Butiran perhubungan adalah seperti berikut:

BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Nombor telefon: 1300 88 5465
BNMLINK Portal: bnm.gov.my/BNMLINK